

21 FEB 2003

NAM-Siti Hasmah (Dialog)/I (Bergambar)

DIALOG WANITA PERTAMA NAM SUARAKAN KEBENCIAN TERHADAP PERANG

PUTRAJAYA, 21 Feb (Bernama) -- Dialog Wanita Pertama yang melibatkan pasangan para pemimpin Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) Isnin ini akan membincangkan mengenai pentingnya keamanan dan menyebarkan mesej kepada pemimpin dunia bahawa keamanan global adalah lebih berfaedah daripada perang.

Isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali berkata satu kertas kerja mengenai kesan positif keamanan akan dibentangkan pada dialog itu.

"Kita akan menggalakkan semua yang hadir untuk memberi sokongan penuh dan menganjur serta mempromosikan kebaikan, keamanan dan kedamaian sesuatu negara kerana kebaikan itu akan dirasakan wanita itu sendiri dan kanak-kanak," katanya.

Beliau memberitahu Bernama demikian sebelum dialog bertemakan "Melabur Dalam Keamanan" yang akan diadakan sebagai acara sampingan Sidang Kemuncak NAM ke-13.

Dialog yang pertama kali diadakan itu akan dihadiri sekurang-kurangnya 24 pasangan para pemimpin dan ketua delegasi NAM. Antara yang turut dijangka hadir ialah isteri-isteri menteri luar dan duta yang berpejabat di sini.

Hari ini ialah hari kedua dan akhir mesyuarat para pegawai kanan NAM dan ia akan diikuti dengan mesyuarat menteri-menteri esok. Sidang kemuncak sebenar akan diadakan pada Isnin dan Selasa.

Dr Siti Hasmah berkata mesyuarat pasangan pemimpin itu akan memberi tumpuan terhadap kesan keamanan yang baik dan positif, yang didapati daripada sebuah negara yang aman damai.

"Kami akan menyuarakan keprihatinan kami mengenai isu itu dan apa yang kami akan tekankan ialah keamanan adalah lebih berharga bagi manusia terutama wanita dan kanak-kanak berbanding peperangan,"katanya.

Mengenai jangkaan hasil daripada dialog itu, Dr Siti Hasmah berkata: "Saya tidak mahu katakan yang kami menaruh harapan tinggi bahawa dengan dialog ini, resolusi dan perbincangan kami, akan dapat menghentikan peperangan di mana-mana.

"Tetapi sekurang-kurangnya (kami mahu) menyokong dan membawa kesedaran kepada para pemimpin, suami mereka, mengenai apa yang dirasakan dan disuarakan oleh kaum wanita di seluruh dunia."

Dr Siti Hasmah menyatakan harapan bahawa hasil dialog itu akan dikemukakan kepada bakal pengerusi NAM Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kami berharap yang beliau akan dapat memasukkan sebaris dua ayat dalam kenyataannya untuk mengatakan bahawa kami, Wanita Pertama, telah menyuarakan kebimbangan kami mengenai peperangan dan perlunya keamanan diwujudkan di dunia," katanya.

Mengenai sama ada isu sosio-ekonomi, kanak-kanak dan wanita akan dibincangkan pada sidang kemuncak NAM, Dr Siti Hasmah berkata pergerakan itu, yang merupakan forum politik negara-negara membangun, akan mempunyai agendanya sendiri.

"Saya yakin bahawa mereka akan memberi ruang kepada isu-isu wanita dan setiap negara akan menyumbang sesuatu untuk mengkaji dan membincangkan situasi sosio-ekonomi di negara mereka.

"Ini mungkin merupakan satu peluang bagi mereka untuk mengkaji semula dan mungkin meningkatkan pembangunan wanita," katanya.

Beliau berkata Wanita Pertama pastinya mahukan para pemimpin NAM untuk

menyentuh isu-isu melibatkan wanita dan kanak-kanak seperti kemiskinan dan HIV/AIDS di negara-negara membangun.

-- BERNAMA

HS MAM RON